

Sime Darby Property Terus Catat Keputusan Kukuh bagi H1

Dividen 1.5 Sen Mencerminkan Komitmen Terhadap Nilai Pemegang Saham

- Prestasi kewangan keseluruhan bagi separuh pertama tahun kewangan 2025 kekal kukuh;
- Syarikat merekodkan Pendapatan, Keuntungan Operasi, dan Untung Sebelum Cukai masing-masing berjumlah RM1.9 bilion, RM434.8 juta, dan RM398.4 juta;
- Momentum jualan berterusan berjumlah RM2.0 bilion, mewakili 56% daripada sasaran jualan Syarikat bagi tahun kewangan 2025;
- Jualan belum dibil mencapai RM3.9 bilion, yang menandakan paras tertinggi sejak 2017;
- Syarikat kekal berdaya modal dengan nisbah hutang bersih 30.9%, memberikan fleksibiliti kewangan dan kapasiti untuk menyokong pertumbuhan;
- Dividen sebanyak 1.5 sen diisyiharkan, dengan jumlah pembayaran sebanyak RM102.0 juta.

ARA DAMANSARA, 21 Ogos 2025 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatatkan prestasi kukuh bagi separuh pertama berakhir 30 Jun 2025 (“H1 TK2025”), disokong oleh permintaan pasaran yang sihat dan pelaksanaan operasi yang kukuh. Syarikat merekodkan pendapatan berjumlah RM1.9 bilion, keuntungan operasi (“OP”) sebanyak RM434.8 juta, dan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM398.4 juta. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) yang berjumlah RM262.0 juta, didorong oleh momentum jualan yang berterusan merentasi campuran produk yang pelbagai, serta pengurusan kos yang berdisiplin.

Segmen Pembangunan Hartanah kekal sebagai penyumbang terbesar, menjana pendapatan sebanyak RM1.8 bilion dan PBT sebanyak RM368.7 juta, dipacu oleh aktiviti jualan yang kukuh dan kemajuan pembangunan di tapak bagi bandar-bandar utama seperti City of Elmina, Bandar Bukit Raja, Serenia City dan Nilai Impian. Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management* atau “IAM”) mencatatkan pertumbuhan pendapatan tahun ke tahun (“YoY”) sebanyak 34% kepada RM78.0 juta, manakala PBT meningkat lebih dua kali ganda kepada RM32.2 juta. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh prestasi kukuh sub-segmen runcit yang diterajui oleh KL East Mall dan Elmina Lakeside Mall yang mengekalkan kadar penghunian hampir penuh, aliran pengunjung yang memberangsangkan, serta

semakan sewa yang positif, di samping pengurangan bahagian kerugian daripada usaha sama.

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato' Seri Azmir Merican, berkata, "Prestasi separuh pertama kami menunjukkan kekuatan momentum jualan serta kepelbagaiannya portfolio kami. Secara khususnya, kami berbesar hati dengan pertumbuhan segmen IAM, yang dipacu oleh prestasi runcit yang kukuh."

Pelancaran dan Jualan H1 TK2025

Bagi H1 TK2025, Syarikat melancarkan produk bernilai RM2.2 bilion dalam Nilai Pembangunan Kasar ("GDV"), iaitu mencapai 55% daripada sasaran penuh tahun sebanyak RM4.0 bilion. Produk kediaman bertanah merupakan penyumbang terbesar dengan 39% daripada jumlah pelancaran, diikuti oleh kediaman bertingkat tinggi (25%), perindustrian (20%) dan komersial (16%). Permintaan kukuh bagi penawaran kediaman dapat dilihat melalui projek seperti Elmina Ridge 2, pembangunan bertanah premium yang merangkumi rumah Superlink, Kluster dan Berkembar dengan GDV RM272 juta, serta SJCC East One, pembangunan kediaman bertingkat tinggi berorientasikan transit di Subang Jaya dengan GDV RM533 juta. Dari segi komersial, Karya, pembangunan rumah kedai dua tingkat dengan 90 unit, menandakan hab komersial pertama di Bandar Bukit Raja 2 dengan GDV RM151 juta.

Syarikat mencapai jualan berjumlah RM2.0 bilion, yang merupakan 56% daripada sasaran penuh tahun sebanyak RM3.6 bilion, diterajui oleh segmen perindustrian pada RM803.0 juta (40%), diikuti oleh kediaman bertanah pada RM506.2 juta (25%), kediaman bertingkat tinggi pada RM449.0 juta (22%) dan produk komersial pada RM211.6 juta (10%). Jumlah tempahan keseluruhan setakat 10 Ogos 2025 berjumlah RM1.6 bilion, sekali gus memastikan momentum jualan berterusan memasuki separuh kedua TK2025.

Pencapaian Kewangan / Operasi Lain

Jualan belum dibil Syarikat meningkat kepada RM3.9 bilion, iaitu tahap tertinggi sejak 2017, memberikan aliran tunai dan keterlihatan hasil melebihi tiga tahun akan datang. Sementara itu, GDV tidak terjual bagi inventori siap kekal rendah pada RM197.7 juta.

Setakat 30 Jun 2025, nisbah hutang bersih meningkat kepada 30.9%, dipacu oleh keperluan pembiayaan untuk mengembangkan aset di bawah pengurusan (“AUM”) bagi menyokong pertumbuhan pendapatan berulang.

Additionally, The Star ESG Positive Impact Awards 2025 recognised the Elmina Rainforest Knowledge Centre (“ERKC”) with a Silver award in the Biodiversity Conservation (Large Companies) category, acknowledging its role in advancing ecological education and regeneration within the Elmina Urban Biodiversity Corridor. Baru-baru ini, komitmen Sime Darby Property terhadap kelestarian dan penciptaan nilai telah diiktiraf dengan pelbagai anugerah industri. Di *The Edge Malaysia Best Managed & Sustainable Property Awards 2025* (“BMSPA”), Syarikat telah sekali lagi dinamakan Pemaju Bertanggungjawab dalam kategori “Building Sustainable Development”. Bandar Bukit Raja Wetland Townpark pula menerima Anugerah Pilihan Editor untuk kategori Kecemerlangan dalam Infrastruktur Hijau-Biru dan Anugerah Emas *The Edge Malaysia – ILAM Sustainable Landscape Awards* bagi Perancangan Landskap. Selain itu, *The Star ESG Positive Impact Awards 2025* mengiktiraf Elmina Rainforest Knowledge Centre (“ERKC”) dengan anugerah Perak dalam kategori Pemuliharaan Biodiversiti (Syarikat Besar), yang mengiktiraf peranannya dalam memajukan pendidikan ekologi dan usaha pemulihan dalam Koridor Biodiversiti City of Elmina.

Perkembangan Korporat Utama

Bagi H1 TK2025, Sime Darby Property meraih beberapa pencapaian korporat utama yang menunjukkan komitmen berterusan terhadap pertumbuhan strategik, pewujudan tempat (*placemaking*), dan kemampanan.

Dana Pembangunan Perindustrian (*Industrial Development Fund* atau “IDF”) Patuh Syariah bernilai RM1 bilion, yang diuruskan oleh Sime Darby Property dan ESR Group, terus mencatat kemajuan yang kukuh. Sehingga kini, ia telah menyerahkan dua gudang operasi dengan jumlah keluasan boleh disewa sebanyak 1.8 juta kaki persegi di E-Metro Logistics & Industrial Park, Bandar Bukit Raja. Metrohub 1 mencapai kadar penghunian penuh pada Jun 2025, kurang daripada setahun selepas ianya disiapkan, manakala Metrohub 2 kini mencatat kadar penghunian sekitar 88%. Pembangunan sedang dijalankan bagi tiga fasiliti tambahan, disasarkan siap bermula

pertengahan 2026. Pembangunan penuh di atas 177 ekar tanah industri utama ini dijangka akan mengukuhkan asas pendapatan berulang Syarikat melalui penjanaan yuran dan hasil pelaburan.

Dalam segmen runcit, KLGCC Mall dijadualkan dibuka pada Oktober 2025, menandakan pusat membeli-belah ketiga milik penuh Sime Darby Property selepas kejayaan KL East Mall dan Elmina Lakeside Mall. Dengan 85% penghunian komited setakat Julai 2025, pusat beli-belah seluas 240,000 kaki persegi ini merupakan sebahagian daripada pembangunan bersepadu KLGCC Resort, yang turut merangkumi Menara KLGCC dan Senada Residences.

Mengukuhkan kepimpinannya dalam kelestarian, Sime Darby Property baru-baru ini telah menganjurkan Persidangan Biodiversiti Bandar 2025 yang julung kali diadakan, menghimpunkan pemimpin industri dan pembuat dasar untuk mempromosikan integrasi biodiversiti dalam perancangan bandar. Majlis ini telah diserikan dengan keberangkatan D.Y.T.M. Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor serta kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Haji Fadillah Yusof. Persidangan ini menekankan kepentingan integrasi lebih besar biodiversiti dalam perancangan bandar melalui kerjasama rentas sektor, rangka kerja yang boleh diukur, dan komitmen bersama terhadap pemeliharaan alam sekitar sebagai tanggungjawab moral dan keutamaan strategik.

Dividen

Mencerminkan komitmen Syarikat terhadap penyampaian nilai kepada pemegang saham, Sime Darby Property mengisyiharkan dividen pertamanya sebanyak 1.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, berjumlah keseluruhan RM102 juta.

Prospek TK2025

Melihat ke hadapan, Sime Darby Property kekal fokus untuk menyampaikan pertumbuhan mampan dan menggandakan nilai jangka panjang. "Menjelang separuh kedua TK2025, kami berada di landasan untuk mencapai sasaran tahun ini, disokong oleh permintaan yang stabil merentasi sektor utama termasuk industri dan kediaman. Dengan jualan belum dibil yang sihat dan saluran paip yang kukuh, kami berada pada

kedudukan yang baik untuk mengharungi ketidaktentuan pasaran dan menyampaikan pertumbuhan mampan," kata Dato' Seri Azmir Merican.

-TAMAT-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 26 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartaanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartaanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berdasarkan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju hartaanah nomor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, tempat pertama untuk 'All-Stars' di StarProperty Awards 2025, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Natalie Rose Ariffin | +6012-297 1820 | natalie.ariffin@simedarbyproperty.com

Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | alia.miorazhar@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com